

# Jangan abai hak anak

Kanak-kanak wajib diberi suntikan vaksin untuk melindungi serangan virus dan bakteria

**U** NGKAPAN 'jangan dikajit, nyamuk pun tak boleh gigit' yang sering digunakan masyarakat kita menunjukkan betapa sayangnya ibu bapa terhadap anak-anak sehingga sanggup melakukan apa saja untuk memberi perlindungan sebaik mungkin kepada si kecil supaya mereka membesar dengan sihat dan selesa.

Namun, ia masih belum mencukupi kerana ancaman terhadap kesihatan si kecil yang berumur kurang daripada lima tahun daripada virus dan bakteria sentiasa ada di keliling kita. Sistem pertahanan (imun) bayi yang sangat lemah dan belum terbentuk sempurna meningkatkan risiko mereka untuk mendapat pelbagai penyakit.

Menurut Perunding Pediatrik dan Neonatal, Hospital Pakar Damansara Dr Musa Mohd Nordin, sistem pertahanan badan manusia boleh dibentuk melalui dua cara iaitu imuniti semula jadi dan dengan bantuan vaksin.

Imuniti semula jadi bermakna seseorang perlu mendapat jangkitan sesuatu penyakit (sama ada disebabkan bakteria atau virus). Apabila bakteria atau virus memasuki badan dan membiak, badan akan menghasilkan antibodi untuk melawan serangan mikro organisma berkenaan.

Dalam proses 'perang' itu individu yang dijangkiti akan mengalami pelbagai gejala penyakit seperti demam, hilang selera makan, ruam, mata menjadi merah, muntah, cirit-birit, keletihan dan berat badan menurun.

Selepas pengalaman yang memeritkan ini, badan individu berkenaan sudah ada pelindung terhadap jenis bakteria atau virus yang menyerang. Jadi apabila dia dijangkiti bakteria atau virus daripada jenis yang sama untuk kali kedua, individu itu tidak akan mengalami sebarang masalah kesihatan.

Bagaimanapun, buat apakah kita hendak melalui pengalaman menyakitkan itu

jika perlindungan yang sama boleh diberikan oleh vaksin. Vaksin adalah kultur bakteria atau virus yang sudah dilemahkan dan tidak boleh membahagi (membiak) dengan sempurna.

Ia akan disuntik ke dalam badan bayi tetapi jangan risau kerana virus atau bakteria yang diberi itu sangat lemah dan tidak akan menyebabkan masalah kesihatan. Bagaimanapun, ia sudah cukup untuk memberi isyarat kepada badan supaya menghasilkan antibodi sama baik seperti imuniti semula jadi.

Sebaik badan menghasilkan antibodi, secara automatik ia akan menjadi anggota kekal dalam sistem pertahanan badan. Jika terdedah kepada jangkitan, antibodi ini akan segera memerangi virus atau bakteria yang memasuki badan. Bagi sesetengah vaksin, ia memberi perlindungan selama beberapa tahun dan ada juga sepanjang hayat.

Rasanya tidak ada ibu bapa yang sanggup melihat anak mereka sentiasa dirundung masalah kesihatan. Malah, bukan semua bayi mampu mengharungi laluan getir ini kerana kajian mendapati jangkitan virus bukan saja boleh menyebabkan kecacatan akal dan fizikal tetapi juga boleh membawa maut.

Mengabaikan hak anak mendapat suntikan vaksin bermakna anda sengaja memberi peluang bakteria atau virus menyerangnya. Walaupun badan anak boleh membentuk antibodi melalui imuniti semula jadi tetapi ia sangat berisiko; bukan pada dirinya sendiri tetapi kepada kanak-kanak lain.

Penyakit pneumokokal contohnya boleh menyebabkan keracunan darah yang mungkin berakhir dengan kerosakan otak atau kematian. Bayi yang diserang batuk kokol pula akan mengalami batuk teruk sehingga menyukarkannya bernafas dan boleh menyebabkan pneumonia, sawan, kerosakan otak dan kematian.

Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) men-



**Walaupun program imunisasi dimulakan sejak berpuluh tahun lalu, laporan WHO 2001 menganggarkan 34 juta kanak-kanak di seluruh dunia tidak mendapat imunisasi lengkap sepanjang hayat mereka"**

>Dr Musa Mohd Nordin  
Perunding Pediatrik dan Neonatal, Hospital Pakar Damansara

## Pembunuh utama kanak-kanak

- > Jangkitan respiratori akut (4.4 juta)
- > Penyakit cirit birit (3.1 juta)
- > Tuberkulosis (3.1 juta)
- > Malaria (2.1 juta)
- > Hepatitis B (1.1 juta)
- > HIV/Aids (lebih 1 juta)
- > Demam campak (lebih 1 juta)
- > Kancing gigi kanak-kanak (500,000)
- > Pertusis atau batuk kokol (355,000)
- > Jangkitan cacing gelang dan kerawit (165,000)